

## **KAEDAH PERMOHONAN SEBAGAI PUSAT KECEMERLANGAN PENDIDIKAN TINGGI HICOE 2024**

1. Permohonan penarafan sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HICoE) hendaklah dibuat dengan melengkapkan dokumentasi berikut bermula pada **5 Februari 2024 (Isnin)** sehingga **5 Mac 2024 (Selasa)**.
  - **Instrumen HICoE 2024 (Teras Penyelidikan dan Inovasi/ Teras Perkhidmatan);** dan
  - **Ringkasan Eksekutif Bidang Nic HICoE.**
2. Pengisian data di dalam Instrumen HICoE hendaklah **berfokus kepada satu (1) bidang nic terpilih dan kukuh** di CoE masing-masing serta perlu berkait rapat dengan salah satu daripada **14 bidang nic** yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi. Panduan permohonan HICoE perlu merujuk kepada **Garis Panduan Pelaksanaan HICoE**.
3. Setiap permohonan perlu **dinilai di peringkat dalaman oleh Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan diperakukan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)** di IPT masing-masing.
4. Hanya CoE yang memenuhi **syarat asas dan melepassi markah minimum** penarafan sahaja yang layak untuk mengemukakan dokumentasi seperti berikut:
  - **Sesalinan surat penubuhan CoE yang diiktiraf oleh Senat dan Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU);**
  - **Sesalinan Ringkasan Eksekutif Bidang Nic bagi permohonan HICoE;**
  - **Satu (1) *hardcopy* Instrumen HICoE berserta senarai utama/*masterlist*; dan**
  - ***Softcopy* (pemacu pena) Instrumen HICoE dan senarai utama/*masterlist* berserta dokumen bahan bukti.**
5. Dokumentasi berikut perlu dikemukakan kepada pihak urus setia **selewat-lewatnya pada 5 Mac 2024 (Selasa), jam 12.00 tengah hari.**
6. Sebarang kelewatan penghantaran dokumentasi akan menyebabkan permohonan **tidak dipertimbangkan** untuk proses selanjutnya.
7. Sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan, sila menghubungi pegawai berikut:
  - 1) Yogitha a/p V. Muniandy  
[yogitha@mohe.gov.my](mailto:yogitha@mohe.gov.my) / 03-8870 6958
  - 2) Siti Nor Auninajwa Binti Zabidi  
[auninajwa@mohe.gov](mailto:auninajwa@mohe.gov) / 03-8870 6962